

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT  
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KEDUA,  
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

---

**PERTANYAAN : BERTULIS**

**DARIPADA : YB TUAN NIK NAZMI BIN NIK AHMAD  
[SETIAWANGSA]**

**SOALAN**

Minta **MENTERI BELIA DAN SUKAN** menyatakan:-

- (a) berapakah rakyat Malaysia di bawah 30 tahun yang termasuk dalam kategori '*Neither in Employment, Education or Training*' (NEET) dalam bentuk jumlah dan peratusan; dan
- (b) berapakah rakyat Malaysia di bawah 30 tahun yang termasuk di dalam kategori guna tenaga tidak penuh (*under employment*).

**JAWAPAN**

Yang di-Pertua,

1. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Kementerian Belia dan Sukan Malaysia melalui Institut Penyelidikan Pembangunan Belia Malaysia (IYRES) dan Universiti Putra Malaysia (UPM) telah melaksanakan Kajian *Not in Employment, Education or Training* (NEET) Dalam Kalangan Belia di Malaysia pada tahun 2015. Berdasarkan kajian tersebut, terdapat penurunan peratusan belia di bawah 30 tahun yang dikategorikan sebagai NEET dari tahun 2011 hingga 2014 seperti Jadual 1 yang menggunakan pengiraan *International Labour Organization* (ILO).

2. Melalui kajian tersebut juga, pengiraan berdasarkan Data Guna Tenaga, Jabatan Perangkaan 2011 hingga 2014 menunjukkan purata belia yang berada diluar guna tenaga adalah sebanyak 33%. Lebih kurang 11.5% daripada jumlah belia diluar guna tenaga boleh dikategori sebagai NEET iaitu belia yang berada di luar guna tenaga dan pada masa yang sama tidak mengikuti pendidikan atau latihan. Golongan ini merupakan golongan belia yang pasif dalam mencari pekerjaan dan latihan mahupun pendidikan.

3. Untuk makluman Ahli-ahli Yang Berhormat dan Dewan yang mulia ini, berdasarkan Survei Tenaga Buruh (STB) 2018, rakyat Malaysia di bawah 30 tahun yang termasuk dalam kategori '*Neither in Employment, Education or Training*' (NEET) ialah 13.4 peratus. Manakala penduduk bekerja di bawah 30 tahun yang termasuk di dalam kategori guna tenaga tidak penuh ialah 119.2 ribu orang.

4. Bilangan dan peratus belia (15-30 tahun) dalam kategori '*Neither in Employment, Education or Training*' (NEET), Malaysia, 2017 dan 2018 adalah seperti di Jadual 1. Manakala penduduk bekerja di bawah 30 tahun yang termasuk di dalam kategori guna tenaga tidak penuh adalah seperti di Jadual 2.

**Jadual 1: Bilangan dan peratus belia (15-30 tahun) dalam kategori '*Neither in Employment, Education or Training*' (NEET), Malaysia, 2017 dan 2018**

Perkara	2017	2018
Peratus (%)	12.9	13.4
Bilangan ('000)	1,293.3	1354.7

Sumber: Survei Tenaga Buruh, Jabatan Perangkaan Malaysia

**Jadual 2: Bilangan Belia (15-30 tahun) dalam kategori guna tenaga tidak penuh, Malaysia, 2017 dan 2018.**

( '000)

Perkara	2017	2018
Bilangan ('000)	116.3	119.2

Sumber: Survei Tenaga Buruh, Jabatan Perangkaan Malaysia

Sekian, terima kasih.